

# Ibu hamil mesti bersedia hadapi kebakaran

**Kuala Lumpur:** Wanita hamil antara golongan berisiko terdedah kecederaan serius jika berlaku insiden kebakaran di tempat kerja atau ketika melakukan aktiviti seharian.

Perunding Kejuruteraan Keselamatan Kebakaran Fire Safety Engineering Sdn Bhd, Tay Hao Giang, berkata golongan itu lebih berisiko kerana dalam keadaan mengandung pergerakan terhad dan mereka mudah panik.

Katanya, wanita hamil disarankan sentiasa melengkapkan diri dan bersedia dengan segala kemungkinan ketika berlaku kejadian kebakaran.

“Golongan ini lebih cepat panik ketika kebakaran dan dikhuatiri memberi kesan kepada kehamilan.

“Saya cadangkan wanita hamil melengkapkan diri dengan ilmu berkaitan selain membawa peralatan pencegahan seperti kain atau tuala.

“Kain perlu dibasahkan untuk menekup muka daripada terkena gas dan ia membantu melancarkan pernafasan,” katanya. +

Beliau berkata demikian pada Seminar Kesedaran Reka Bentuk Sejagat (Keselamatan Kebakaran), di sini, semalam.

Program anjuran Majlis Persatuan Akitik Malaysia (PAM) dan The Institution of Fire Engineers (IFEM) bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat kepentingan menjaga keselamatan awam.

## Guna laluan khas

Hao Giang berkata, wanita hamil perlu menyelamatkan diri dan gunakan laluan khas di tempat kerja bagi mengelak terperangkap dalam kebakaran.

Beliau mencadangkan jurutera dan arkitek merancang, mereka bentuk kemudahan dan persekitaran kondusif untuk semua golongan termasuk kanak-kanak, warga tua, orang kurang upaya (OKU) dan wanita hamil bagi mengurangkan risiko kecederaan apabila berlaku insiden.

“Pemaju, arkitek, jurutera atau golongan berisiko menekankan konsep reka bentuk sejagat bagi tujuan kesihatan dan keselamatan,” katanya.



Saya cadang wanita hamil melengkapkan diri dengan ilmu berkaitan selain bawa peralatan pencegahan seperti kain atau tuala”

**Tay Hao Giang,**  
Perunding Kejuruteraan  
Keselamatan Kebakaran  
Fire Safety Engineering